



Datuk Wira Iskandar Dzakurnain bin Badarudin
Ketua Pengarah
(~~Director General~~)

Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1 Blok B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia

Telefon : 603 88883754

603 88882755

Telefax : 603 88883755

(20) dlm.UPE(S)

Ruj. Kami: 11/137/100/25/14

18 Februari 2003

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian Persekutuan/Pegawai Pengawal

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan,
2001-2005 (KSP-RMKe-8)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi (UPE) akan menyediakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (KSP-RMKe-8).

2. Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian dan Jabatan diharap dapat mengemukakan laporan yang akan dijadikan input kepada perancangan program pembangunan sektor awam dan penswastaan dalam KSP-RMKe-8. Secara umumnya, KSP-RMKe-8 bertujuan:

- i. menilai kemajuan pelaksanaan dasar pembangunan negara secara keseluruhan dalam tempoh separuh penggal pertama RMKe-8;
- ii. mengenalpasti keperluan perubahan dalam strategi pembangunan pada tahun-tahun hadapan supaya bersesuaian dengan perkembangan semasa;
- iii. menilai kemajuan pelaksanaan program dan projek pembangunan dari segi fizikal dan kewangan dalam tempoh separuh penggal pertama RMKe-8;

- iv. mengkaji prospek pelaksanaan program dan projek pembangunan RMKe-8 dalam tempoh separuh penggal kedua RMKe-8; dan
- v. menyusun semula keutamaan program dan projek pembangunan RMKe-8, berdasarkan keperluan dan keupayaan jentera pelaksanaan serta mengambil kira kedudukan ekonomi semasa dan akan datang.

3. Prestasi ekonomi Malaysia 2001 yang lemah akibat kelembapan ekonomi dunia serta insiden 11 September 2001 dijangka menjejaskan pencapaian matlamat pertumbuhan di bawah RMKe-8. Dengan itu, strategi Kerajaan dalam KSP-RMKe-8 akan memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk merangsang dan menggiatkan aktiviti sektor swasta bagi menjana pertumbuhan pada tahap yang lebih tinggi dan meletakkan semula pembangunan ekonomi negara pada landasan yang telah dirancang di bawah RMKe-8 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Dasar fiskal sektor awam akan memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan defisit akaun Kerajaan ke arah akaun yang lebih berimbang. Langkah-langkah untuk meningkatkan hasil Kerajaan akan dipergiatkan agar usaha untuk mendorong aktiviti sektor awam dapat diteruskan di samping pelaksanaan program meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia, pembasmian kemiskinan serta program sosial yang lain.

4. Strategi pertumbuhan yang didorong oleh pengetahuan di bawah RMKe-8 akan terus diberi penekanan. Ini adalah penting agar potensi pertumbuhan dipertingkatkan, perubahan sektor pembuatan dan perkhidmatan dipercepatkan, sektor pertanian dipergiatkan serta kestabilan sosio-ekonomi diperkukuhkan lagi melalui pengagihan kekayaan dan pendapatan negara yang saksama.

5. Bagi menangani cabaran terutamanya daripada kesan globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing di mana penekanan khusus adalah terhadap usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi pembangunan sumber tenaga

manusia, peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta penggunaan teknologi terkini terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sehubungan itu Kerajaan akan:

1. meneruskan pengurusan ekonomi makro yang mantap dan memastikan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat serta meningkatkan usaha membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan;
- ii. memperkukuhkan dan menyelaraskan strategi dan program pengagihan bagi memastikan penyertaan yang seimbang di kalangan dan antara kumpulan etnik dan kumpulan pendapatan serta wilayah. Tumpuan khusus juga akan diberi kepada golongan terpinggir di kalangan semua kumpulan etnik.
- iii. meningkatkan pertumbuhan produktiviti melalui pemantapan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran pekerja serta mengukuhkan P&P serta sains dan teknologi;
- iv. meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi dengan mempercepatkan peralihan sektor utama kepada proses pengeluaran yang lebih cekap dan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi;
- v. memperluaskan penggunaan ICT dalam semua sektor ekonomi bagi mempercepatkan proses pertumbuhan;
- vi. memperkukuhkan asas sumber manusia bagi memastikan bekalan tenaga manusia yang mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran berfikir yang tinggi;

- vii. melaksanakan pendekatan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani isu-isu sumber asli dan alam sekitar bagi mengekalkan pembangunan yang mampan;
- viii. meningkatkan lagi kualiti hidup melalui peningkatan akses kepada perkhidmatan sosial serta membangunkan aspek estetik dalam kehidupan; dan
- ix. mempergiatkan usaha bagi memupuk dan menyemai nilai-nilai positif dan sifat murni di kalangan rakyat menerusi sistem pendidikan, pertubuhan sosial dan agama serta media.

6. Selaras dengan dasar tersebut, setiap strategi yang dirangka perlu diterjemahkan kepada program/projek dan dilaksanakan secara berkesan. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengkaji semula semua program/projek dengan tujuan menyusun semula keutamaan program/projek dalam tempoh separuh penggal kedua RMKe-8. Pada keseluruhannya, program/projek yang akan diberi keutamaan termasuk program/projek yang telah terikat kontrak, boleh mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara, produktif dan boleh menyumbang kepada peningkatan eksport negara. Selain daripada itu, program/projek pendidikan dan latihan, kesihatan, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, pembangunan luar bandar, infrastruktur asas serta program/projek yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dan sosial akan diberi keutamaan.

7. Program/projek baru tidak akan dipertimbangkan kecuali yang mempunyai hubungkait dengan program/projek yang telah diluluskan dan menggunakan saling peruntukan sedia ada. Program/projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi, kurang produktif dan yang *non-tradable* hendaklah ditangguhkan sehingga ekonomi pulih pada tahap yang memberangsangkan.

8. Dalam penyediaan laporan prestasi fizikal dan kewangan bagi setiap program dan projek sedia ada, maklumat yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam **Sistem Pemantauan Projek II (SPP II)**. Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah mengemaskini maklumat program/projek termasuk peruntukan dan perbelanjaan RMKe-8 dalam **Borang Matlamat Fizikal dan Lain-lain serta Borang Pecahan Kos** sebagaimana terdapat dalam SPP II. Satu penilaian menyeluruh pencapaian fizikal dan kewangan hendaklah disediakan oleh Kementerian/Jabatan termasuk maklumat sebenar pencapaian fizikal dan kewangan bagi tempoh separuh penggal pertama RMKe-8 dan pencapaian fizikal dan kewangan yang dijangka bagi tempoh separuh penggal kedua RMKe-8. Ianya hendaklah disediakan dalam satu laporan yang berasingan dan dilampirkan di dalam **Borang Ringkasan Projek** dalam SPP II. Maklumat-maklumat tambahan yang lain hendaklah dilampirkan di dalam Borang Ringkasan Projek dalam SPP II.

9. **Cadangan bagi program dan projek baru mestilah selaras dengan Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.** Bagi cadangan yang melibatkan pembiayaan melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, khasnya bagi Badan-badan Berkanun, ianya hendaklah mengambil kira dasar/panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Dalam membuat anggaran kos projek, perkiraan hendaklah diambil ke atas apa-apa kos sampingan yang dijangkakan. Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi setiap cadangan projek baru ke dalam SPP II untuk diteliti, dipertimbang dan seterusnya diperakukan oleh UPE.

10. Bagi melicinkan penyampaian laporan KSP-RMKe-8, setiap **Kementerian Persekutuan hendaklah mengemukakan satu laporan yang telah diselaraskan dan disatukan dengan merangkumi laporan-laporan bagi semua Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan di bawah potfolio masing-masing.** Ini bermakna Kementerian hendaklah terlebih dahulu mengadakan perbincangan dengan agensi masing-masing bagi menentukan keperluan dan keutamaan program dan projek. Dengan demikian, Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan di peringkat

Persekutuan hendaklah mengemukakan laporan kepada Kementerian masing-masing untuk disemak, dikaji, diperaku dan disatukan terlebih dahulu. Semua kementerian diberi tempoh selama **satu bulan** dari tarikh surat ini, untuk menyiapkan laporan dan maklumat berkenaan. Laporan dan maklumat yang lengkap hendaklah terus dimasukkan ke dalam SPP II. Dengan demikian, semua agensi pusat akan mendapat akses (capaian) kepada maklumat tersebut pada bila-bila masa selepas tarikh surat ini. Selepas tempoh satu bulan, maklumat dan laporan daripada semua kementerian/agensi sepatutnya telah siap dimasukkan ke dalam SPP II.

11. Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai kanan masing-masing yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE bagi menyelaraskan kerja-kerja penyediaan KSP-RMKe-8. Nama pegawai tersebut hendaklah di sampaikan kepada UPE dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat ini.

12. Sukacita sekiranya Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan dapat memberikan kerjasama bagi menjayakan KSP-RMKe-8 ini. Di atas kerjasama tersebut, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(Datuk Wira Iskandar Dzakurnain bin Badarudin)

s.k.

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri